



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN**  
**KOD KURSUS : DSM2133**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (40 Markah)	BAHAGIAN B (60 Markah)
------------------------	------------------------

  - i. Bahagian A mengandungi **EMPAT (4)** soalan Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan.
  - ii. Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Beserta contoh, bincangkan mana-mana **dua (2)** kategori pekerja yang dilindungi oleh Akta Kerja 1955.

(5 markah)

- b. Dalam mana-mana kontrak perkhidmatan, terdapat terma-terma yang berkaitan dengan kewajian majikan dan pekerja. Jelaskan **dua (2)** kewajipan majikan yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan.

(5 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan mana-mana **dua (2)** jenis pekerjaan yang kanak-kanak boleh diambil bekerja.

(4 markah)

- b. Puan Saleha adalah Setiausaha kepada Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat Permai Holdings Sdn. Bhd dan telah berkhidmat selama 2 tahun. Gaji bulanan beliau adalah RM2500. Puan Saleha bakal melahirkan anaknya yang ketiga pada bulan hadapan. Pihak majikan telah memberitahu Puan Saleha bahawa beliau hanya layak menerima cuti tanpa gaji sepanjang tempoh cuti bersalin.

Berdasarkan situasi di atas, sekiranya anda adalah Puan Saleha, kemukakan komen anda tentang hak anda sebagai seorang pekerja wanita seperitimana Seksyen 37 Akta Kerja 1955.

(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Terangkan mana-mana **dua (2)** cadangan kesatuan sekerja yang tidak boleh dimasukkan dalam perjanjian kolektif?

(5 markah)

- b. Dalam keadaan bagaimakah mahkamah boleh menggunakan kuasanya dalam pertukaran tempat kerja pekerja?

(5 markah)

**SOALAN 4**

- a. Huraikan secara ringkas tentang sejarah penubuhan Mahkamah Perindustrian.

(5 markah)

- b. Jelaskan mana-mana **dua (2)** fungsi Jabatan Tenaga Kerja menyediakan perkhidmatan pekerjaan kepada pencari-pencari kerja.

(5 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Adam bekerja sebagai pemandu di Syarikat MLM Sdn. Bhd. dan telah bekerja selama 4 tahun. Beliau telah mengambil cuti tahunan pada 12 dan 13 Julai 2017. Pada 20 dan 21 Julai, seorang pengamal perubatan berdaftar di Klinik Kesihatan Raudhah telah memberikan Adam cuti sakit selepas menerima rawatan untuk penyakit halusinasi yang dihidapnya. Pada 21 Julai 2017, jam 9.00 Adam telah maklumkan tentang cuti sakitnya kepada Kerani Sumber Manusia. Apabila dia datang bekerja pada 22 Julai, Pengurus Sumber Manusia telah menyatakan “awak telah ditamatkan perkhidmatan”.

Anda diminta untuk membantu Adam dengan mengemukakan alasan-alasan berdasarkan Akta Kerja 1955 kepada pihak majikan tentang hak cuti sakit supaya beliau tidak diberhentikan.

(10 markah)

- b. Maizura telah bekerja di LMN Sdn. Bhd. sebagai setiausaha selama 7 tahun dengan gaji RM2860 sebulan. Waktu kerja Maizura adalah 8 jam sehari. Pada 1 Mei 2017, beliau diminta bekerja sepanjang hari dengan penambahan 2 jam kerja lebih masa. Pada 2 hingga 5 Mei, Maizura diminta untuk kerja lebih masa selama 3 jam selepas waktu kerja bagi menggantikan rakannya yang terlibat dalam kemalangan. Pada 6 Mei 2017 adalah hari rehat Maizura. Namun begitu, majikan telah minta Mazura bekerja selama 6 jam pada hari rehatnya. Hitungkan jumlah gaji yang sepatutnya Maizura terima pada bulan Mei 2017.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan **lima (5)** keadaan yang membolehkan siasatan domestik tidak perlu diadakan.

(10 markah)

- b. Bincangkan langkah-langkah yang patut diikuti oleh majikan sebelum bertindak memecat pekerja yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang memuaskan dalam tugas yang diamanahkan oleh majikan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Jelaskan **empat (4)** perkara yang pekerja perlu patuhi sebelum membuat rayuan kepada Ketua Pengarah terhadap prosedur pemecatan tidak adil.

(10 markah)

- b. Encik Hisham adalah seorang Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Orchid Sdn. Bhd. Encik Hisham bertanggungjawab untuk memberikan pemahaman kepada pekerja tentang gangguan seksual yang sering berlaku di tempat kerja. Beliau telah memutuskan untuk menyampaikan taklimat ringkas tentang gangguan seksual di tempat kerja.

Oleh yang demikian, Encik Hisham perlu menerangkan kepada pekerja tentang bentuk-bentuk gangguan seksual yang sering berlaku di kalangan pekerja dalam organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Jelaskan perbezaan antara persaraan dan peletakan jawatan.

(10 markah)

b. Situasi ekonomi pada masa ini menyebabkan pihak pengurusan Serai Wangi mengambil keputusan untuk mengecilkan saiz perniagaan dengan mengurangkan 20% jumlah pekerja. Sebagai seorang Pengurus Sumber Manusia, anda diarahkan untuk mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan jalan penyelesaian bagi mengurangkan pekerja mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Pekerjaan.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

